Karupasamy a/l Silliah dan lain-lain lwn Tenaga Nasional Bhd

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — GUAMAN SIVIL NO 22–15 TAHUN 2005
ABDUL HALIM AMAN PK
14 NOVEMBER 2005

Acara Sivil — Injunksi — Injunksi interim untuk mengelakkan pemotongan bekalan elektrik — Injunksi interim di arah ex parte — Sama ada terdapat persoalan serius untuk dibicara — Akta Bekalan Elektrik 1990 s 38

Plaintif telah memohon suatu perintah interim injunksi diberi untuk mengarahkan secara khususnya defendan dengan sendirinya, pekerja-pekerjanya atau wakil-wakilnya untuk menyambung semula bekalan elektrik kepada premis plaintif serta melarang defendan dengan sendiri, pekerja- pekerjanya atau wakil-wakilnya daripada memotong bekalan elektrik kepada premis plaintif. Di samping itu terdapat lima relif yang lainnya yang dituntut oleh pihak plaintif terhadap defendan. Permohonan plaintif telah didengar oleh hakim terdahulu dan suatu perintah ex parte menurut A 29 k 2A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 telah dikeluarkan. Kes ini merupakan pendengaran inter parte permohonan perintah injunksi.

Diputuskan:

(1) Mahkamah setelah meneliti akan kedudukan permohonan ini secara keseluruhannya, meneliti akan kandungan kesemua afidavit yang difailkan sama ada oleh pihak plaintif dan juga defendan, memutuskan bahawa di dalam tuntutan ini, tiada terdapat apa-apa isu berbalah yang serius yang memerlukan penentuan dibuat melalui perbicaraan (lihat perenggan 25).

(2) Di dalam perkara ini, cuma terdapat satu persoalan penting yang perlu ditentukan di sini, iaitu di atas pentafsiran s 38(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) ('Akta tersebut'). Peruntukan seksyen ini tidak memerlukan sebarang pembuktian kesalahan sebagai pra-syarat sebelum sesuatu pemotongan dapat dilakukan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad ('TNB') sebagai pemegang lesen. Seksyen itu tidak diperlukan sehingga suatu kesalahan itu dibuktikan terlebih dahulu oleh mahkamah barulah kuasa menentukan pemotongan boleh dilaksanakan. Kuasa ini diberikan oleh parlimen semata-mata bagi melindungi pihak TNB selaku pembekal elektrik dari tidak menanggung kerugian secara berterusan dan berpanjangan dari segala aktiviti yang tidak diizinkan itu (lihat perenggan 27).

(3) Kuasa untuk mendakwa di atas kesalahan jelas termaktub di bawah Akta tersebut dan ianya tiada tempoh tertentu dihadkan terserah kepada pihak TNB. Namun, ianya bukanlah sebagai syarat bahawa pembuktian kesalahan

di mahkamah dimestikan terlebih dahulu sebelum TNB dapat melaksanakan kuasa pemotongan tersebut. Perkataan di dalam s 38(1) Akta tersebut adalah jelas dan oleh itu hendaklah dibaca secara literal dan biasa (lihat perenggan 27–28).

(4) Plaintif tidak boleh menjadikan alasan tentang 'goodwill' perniagaan dan kesan kepada perniagaannya seandainya bekalan elektrik dipotong sebagai isu yang perlu diberikan pertimbangan. Soal-soal berbentuk peribadi tidak wajar dijadikan asas sebagai pembelaan disisi undang-undang. Dari segi imbangan kemudahan juga, didapati yang imbangan kemudahan lebih memihak kepada pihak defendan bagi perintah ingkar interlokutori ini tidak dikeluarkan (lihat perenggan 31).

[English summary

The plaintiff applied for an order for an interim injunction to be granted specifically to the defendant himself, his workers or representatives to reconnect the electricity supply to the plaintiff's premises as well as to prohibit the defendant himself, his workers or his representatives from disconnecting the electricity supply to the plaintiff's premises. In addition to that, there were five other relieves sought by the plaintiff against the defendant. The plaintiff's application was heard by the earlier judge and an ex parte application was made pursuant to O 29 r 2A of the Rules of the High Court 1980. This case is an inter parte hearing for an injunction order application.

Held:

(1) The court having examined the position of this case as a whole, examined the contents of the affidavits which were filed whether by the plaintiff or by the defendant, had decided that in this claim there were no serious contentious issues which required a determination to be made in trial (see para 25).

(2) In this matter, there was only one question of importance which needed to be determined here, which was the interpretation of s 38(1) of the Electricity Supply Act 1990 (Act 447) ('said Act'). The provision of this section does not require the prove of an offence as a pre-condition before a disconnection is made by Tenaga Nasional Berhad ('TNB') as the licence holder. The section is not required until an offence is firstly proved by the court before the exercise of the power to determine the disconnection is carried out. This power is given by parliament only to protect TNB as the electricity supplier, from not bearing any prolonged and continuous losses from all activities which are not allowed (see para 27).

(3) The power to charge for the offence is clearly contained in the said Act and there is no particular fixed period depending on TNB. However, it is not a condition that the offence in the court must be proved first before TNB is able to carry out the disconnecting power. The wording in s 38(1) of the said Act is clear and therefore should be given a normal and literal interpretation (see paras 27–28).

(4) The plaintiff cannot use the excuse in relation to the business's goodwill and the effect on the business in the event the electricity supply is disconnected as the issue that needs to be considered. Questions which are private in nature should not be made the basis of recourse in law. From the point of balance of convenience as well, it is found that the balance of convenience is in favour of the defendant for the order of interlocutory default not to be issued (see para 31).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai injunksi interim berhubung potongan bekalan elektrik, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 2769–2830.

Kes-kes yang dirujuk

American Cyanamid Co v Ethicon Ltd [1975] AC 396 (dirujuk)
Dai-Ichi Electronics (M) Sdn Bhd v TNB [1996] 4 MLJ 506 (dirujuk)
Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed v Datuk Yeh Pao Tzu & Ors [1977] 1 MLJ 56 (dirujuk)
Fellowes v Fisher [1976] QB 122 (dirujuk)
Government of Pakistan v Seng Peng Sawmills Sdn Bhd & Ors [1979] 1 MLJ 219 (dirujuk)
Hock Seng Co Sdn Bhd v TNB [2000] 1 MLJ 571 (dirujuk)
Hongkong Vegeable Oil Co Ltd v Malin Sirinaga Wicker & Ors [1978] 2 MLJ 13 (dirujuk)
Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors [1995] 1 MLJ 193 (dirujuk)
Kuala Reman Estates Bhd & Anor v Faber Merlin (M) Bhd [1989] 3 MLJ 292 (dirujuk)
Mohamed Zainuddin bin Puteh v Yap Chee Seng [1978] 1 MLJ 40 (dirujuk)
Rajah Ramachandran v Perbadanan Bekalan Elektrik Air Pulau Pinang Sdn Bhd [2004] 5 MLJ 407 (dirujuk)
Thomas M Heysek & Anor v Boyden World Corporation [1989] 1 MLJ 219 (dirujuk)
Wong Lok Khiam v Dato Peter Lo Su Yin & Ors [1972] 1 MLJ 138 (dirujuk)
Yeohata Industries Sdn Bdn & Anor v Coil Master Sdn Bhd & Ors [2001] 6 CLJ 418 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bekalan Elektrik 1990 ss 37(1), (3), (14), 38(1)
Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1990 peraturan 3(1), 12(2)

Anthony Martin Sebastian (Anthony M Sebastian & Co) for the plaintif.
Mohd Farid bin Abd Aziz (Shahrin Albakri b Mustafa Albakri with him) (Khairil & Co) for the defendant.

Abdul Halim Aman PK:

PENDAHULUAN

[1] Guaman Sivil No 22–15 tahun 2005 ini telah difailkan pada tarikh 9 Jun 2005 bersama dengan writ saman dan pernyataan tuntutan. Berserta dengan writ saman

itu, juga telah difailkan suatu perakuan segera dan saman dalam kamar ex parte untuk segera didengar. Saman dalam kamar ini telah diproses pada hari yang sama dan telah diberikan tarikh pendengarannya pada hari esoknya, iaitu 10 Jun 2005.

[2] Di antaranya, saman dalam kamar di KM (5) itu memohon suatu perintah interim injunksi diberi untuk mengarahkan secara khususnya defendan dengan sendirinya, pekerja-pekerjanya atau wakil-wakilnya untuk menyambung semula bekalan elektrik kepada premis No 10, Bawah, Jalan Mentakab Indah 2, Off Jalan Karak, Taman Mentakab Indah, Mentakab, Pahang Darul Makmur serta melarang defendan dengan sendiri, pekerja-pekerjanya atau wakil-wakilnya daripada memotong bekalan elektrik kepada premis plaintif. Di samping itu terdapat lima relif yang lainnya yang dituntut oleh pihak plaintif terhadap defendan.

[3] Saman dalam kamar di KM (5) itu telah didengar oleh hakim terdahulu pada tarikh 10 Jun 2005 dan pada tarikh yang sama perintah ex part' menurut A 29 k 2A telah dikeluarkan dan tarikh pendengaran 'inter-parte' telah ditetapkan pada 30 Jun 2005. Kes telah ditangguhkan beberapa kali di atas alasan-alasan tertentu yang dikemukakan oleh pihak-pihak, sehinggalah ianya didengar sepenuhnya oleh saya pada 30 September 2005.

SAMAN DALAM KAMAR — KM (13)

[4] Secara umumnya, saman dalam kamar di KM (13) ini, kandungan permohonannya adalah sama seperti di KM.(5), dan afidavit sokongannya juga diikrarkan oleh pihak yang sama, iaitu plaintif kedua.

[5] Penyataan pembelaan defendan serta tuntutan balas bertarikh 18 Julai 2005 telah difailkan pada 10 Ogos 2005. Manakala jawapan plaintif-plaintif dan pembelaan kepada tuntutan balas bertarikh 26 Julai 2005 telah juga difailkan. Kedua-dua penyata pembelaan serta jawapan plaintif tersebut terkandung di KM (34) dan (39) berturutan.

[6] Terhadap permohonan saman dalam kamar di KM (13) ini, pihak defendan telah memfailkan afidavit jawapan seperti yang terkandung di KM (27) dan (36) yang kedua-duanya diikrarkan oleh Lim Meng Luan, Penolong Pengurus Hal Ehwal Komersil, TNB. Berserta afidavit, dikepilkan juga beberapa ekshibit. Dan lanjutan dari itu, pihak plaintif juga telah memfailkan afidavit balasan bagi menjawab afidavit defendan itu. Afidavit balasan plaintif kedua itu terkandung di KM (29).

HUJAHAN PEGUAM PLAINTIF

[7] Peguam plaintif memulakan hujah dengan penggantungan khusus kepada afidavit sokongan yang terdapat di KM (12) yang telah diikrarkan oleh Ravi a/l Karupasamy, plaintif kedua di dalam kes ini. Dihujahkan oleh peguam plaintif yang anakguamnya berada di dalam keadaan dilema kerana selepas pekerja TNB memeriksa meter, mereka telah diserah notis yang menyatakan bahawa meter telah diusik dan menuntut dari anak-guamnya sejumlah RM26,756.49 yang mana perlu

dibayar dalam tempuh 14 hari. Jika tak dibayar, bekalan elektrik akan dipotong. Jika dibayar pula, dihujahkan oleh peguam plaintif, 'no more recourse open to them'.

[8] Hakikat dari situlah, permohonan untuk injunksi ini dikemukakan. Rujukan telah dilakukan terhadap keputusan beberapa kes terdahulu seperti kes *American Cyanamid Co v Ethicon Ltd* [1975] AC 396, *Kuala Reman Estates Bhd & Anor v Faber Merlin (M) Bhd* [1989] 3 MLJ 292, *Yeohata Industries Sdn Bhd & Anor v Coil Master Sdn Bhd & Ors* [2001] 6 CLJ 418, *Thomas M Heysek & Anor v Boyden World Corporation* [1989] 1 MLJ 219 dan kes *Rajah Ramachandran v Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd* [2004] 5 MLJ 407.

[9] Dibangkitkan satu persoalan iaitu sama ada wujud 'tampering of the electricity metre' yang merupakan suatu kesalahan di bawah s 37 Akta Bekalan Elektrik 1990 ('Akta 447'). Dihujahkan, jika sungguh terdapat 'tampering', mengapakah tiada tindakan diambil untuk mendakwa pihak plaintif ke muka pengadilan.

[10] Penghujahan telah berkisar kepada peruntukan ss 37(3), 38(1), (3) dan (4) Akta 447. Dihujahkan walaupun diakui kesalahan di bawah Akta adalah berupa kesalahan yang berbentuk statutori, tetapi dihujahkan pembuktian rapi terhadap perlakuan kesalahan itu mestilah dilakukan. Mahkamah dihujahkan tidak wajar hanya bergantung kepada pendapat pekerja TNB sahaja bagi menentukan sesuatu kesalahan itu telah dilakukan. Dihujahkan yang s 38 Akta 447 bukan bersifat mandatori. Dihujahkan lanjut yang anak-guamnya telah menjalankan perniagaannya lebih dari 10 tahun dan telah mempunyai nama yang baik. Nama baik dan tahap baik perniagaan ini tidak boleh dipampas dengan wang ringgit. Segalanya akan musnah jika seandainya bekalan elektrik dipotong dan perniagaan diarah ditutup. Pekerja-pekerja akan lari. la dihujahkan akan memberi 'serious repurcussion' kepada pihak plaintif dan mohon agar status quo dikekalkan sehingga selesai penentuan kes. Dihujahkan lanjut, tidak timbul soal sama ada anak-guamnya boleh membayar tetapi dipersoalkan sama ada plaintif wajar dipertanggungjawabkan. Dihujahkan juga yang terdapatnya isu berbalah di dalam kes ini dan dari segi imbangan kemudahan (balance of convenience), dihujahkan yang ianya lebih memihak kepada pihak plaintif.

HUJAH PEGUAM DEFENDAN

[11] Kedua-dua peguam defendan telah menghujahkan dengan merujuk terus kepada afidavit jawapan pihak mereka di samping membuat penekanan khusus kepada peruntukan ss 37 dan 38 Akta 447 itu. Juga, rujukan secara perbandingan dilakukan terhadap kes-kes yang telah diutarakan oleh peguam pihak plaintif pada awalnya. Mereka menghujahkan bahawa jumlah RM26,756.49 itu adalah untuk jumlah surcaj yang telah dikurangkan. Hasil pemeriksaan pada meter dihujahkan memang terdapat usikan di mana terdapat satu by-pass dan terdapat wayar sil yang terputus. Dengan merujuk kepada keputusan kes *Hock Seng Co Sdn Bhd v TNB* [2000] 1 MLJ 571, dinyatakan yang di dalam tuntutan sebegini, ianya tidak memerlukan sebarang pembuktian. Jumlah yang dituntut itu adalah dikira berdasarkan perkiraan di bawah Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1990. Tentang tuntutan ini, dihujahkan tidak terdapat sebarang dures kerana plaintif telah diberi

peluang untuk menyelesaikan jumlah itu secara bayaran ansuran, dalam erti kata ada terdapat 'degree of leniency' di pihak plaintif disini.

KETERANGAN DOKUMENTASI

[12] Penelitian juga telah dilakukan terhadap setiap keterangan dokumentasi yang telah difailkan itu; khususnya kepada afidavit-afidavit. Kandungan afidavit dari kedua-dua pihak itu adalah sepertimana yang telah dihujahkan oleh peguam mereka seperti yang dinyatakan di atas. Manakala di dalam tuntutan balas pihak defendan, selain daripada tuntutan RM26,756.49 itu, juga dituntut adalah sejumlah RM298.13 merupakan kos bagi membaik-pulih alat ganti terminal jangka tersebut. Juga dituntut adalah faedah pada kadar 8% setahun di atas jumlah tuntutan yang dikira dari tarikh penghakiman hingga selesai penuh. Bukan sahaja terhadap butiran ini dinafikan oleh pihak plaintif, malahan keseluruhan tuntutan ini telah dianggap sebagai tidak berasas, tidak bermerit serta penyalahgunaan proses mahkamah.

ISU-ISU

[13] Seperti yang dinyatakan pada awalnya tadi, beberapa autoriti telah dirujuk oleh kedua-dua belah pihak di dalam menyokong penghujahan mereka. Prinsip yang telah digariskan melalui keputusan kes *American Cyanamid Co v Ethicon Ltd* [1975] AC 396 wajar diberikan perhatian. Walau pun kerap dirujuk di dalam kes/permohonan seperti ini, namun prinsipnya wajar diimbau kembali. Di dalam kes tersebut, beberapa prinsip telah digariskan sebagai panduan bagi menentukan sama ada sesuatu perintah interlokutori injunksi wajar dikeluarkan.

[14] Pertama, sama ada wujud persoalan yang serius yang perlu dibicarakan. Kedua, sama ada imbangan kemudahan (balance of convenience) diberikan pertimbangan di dalam menimbangkan atau pun menolak relif yang dipohon. Ketiga, jika plaintif berjaya, dia akan diberikan pampasan secukupnya mulai dari permohonan didengar hingga ke akhir bicara penuh. Keempat, jika defendan berjaya, dia akan diberikan pampasan dengan secukupnya. Kelima, kesan pengekalan status quo dan keenam, kekukuhan keterangan afidavit yang dizahirkan itu.

[15] Prinsip-prinsip ini telah diikuti oleh mahkamah di Malaysia, contohnya di dalam kes *Mohamed Zainuddin bin Puteh v Yap Chee Seng* [1978] 1 MLJ 40 di mana di dalam kes tersebut diputuskan, apa yang perlu dipastikan oleh mahkamah adalah tuntutan itu bukanlah berupa 'frivolous or vexatious' dalam ertikata lain, terdapat persoalan yang serius yang perlu dibicarakan.

[16] Bidang kuasa untuk mengeluarkan sesuatu perintah injunksi sentiasa merupakan budi bicara yang perlu dijalankan mengikut prinsip-prinsip yang telah digariskan. Di Singapura, di dalam kes *Hong Kong Vegetable Oil Co Ltd v Malin Sirinaga Wicker & Ors* [1978] 2 MLJ 13. Mahkamah di sana dengan mengikuti prinsip yang telah digariskan melalui kes *Fellowes v Fisher* [1976] QB 122 memutuskan untuk memastikan isu injunksi interlokutori dipenuhi, mahkamah mestilah berpuas hati terdapat persoalan yang serius yang perlu dibicarakan.

[17] Tetapi jika seandainya dari fakta didapati tidak terdapat sebarang asas dari segi perundangan yang memberikan hak perundangan kepada plaintif terhadap defendan, maka mahkamah perlulah mengenepikan permohonan injunksi itu. Ini seperti prinsip yang telah diputuskan di dalam kes *Government of Pakistan v Seng Peng Sawmills Sdn Bhd & Ors* [1979] 1 MLJ 219.

[18] Di dalam melaksanakan bidang kuasanya, mahkamah bertindak di atas prinsip menghalang kerugian yang tidak boleh dipulihkan dan akan melaksanakan budi bicaranya dengan melanjutkan perintah injunksi itu sehingga tamat kes dibicarakan. Ini adalah prinsip yang diputuskan di dalam kes *Wong Lok Khiam v Dato' Peter Lo Su Yin & Ors* [1972] 1 MLJ 138.

[19] Terhadap ujian yang perlu diaplikasikan oleh mahkamah di dalam menentukan sesuatu penentuan perintah injunksi dikeluarkan atau pun sebaliknya, mahkamah di dalam kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed v Datuk Yeh Pao Tzu & Ors* [1977] 1 MLJ 56 menggariskan ini sebagai panduan:

> The question to be asked is not whether the plaintiff has made out a prima facie question but whether there is a serious question to be tried and if there is, the court should consider whether on the balance of convenience the plaintiff would be adequately compensated by damages if he succeeds at the trial proper but is refused interlocutory relief alternatively whether the defendants would be adequately compensated by damages if the plaintiff loses the final action.

KEDUDUKAN PERMOHONAN

[20] Di dalam menentukan permohonan pihak plaintif di KM (13) ini, prinsip-prinsip seperti yang digariskan di dalam kes *American Cyanamid & Co*, dan ujian yang perlu diaplikasikan seperti yang dinyatakan di dalam kes *Datuk Syed Kechik*. dijadikan sebagai garis panduan sepenuhnya. Di samping itu, segala autoriti yang dikemukakan oleh pihak-pihak sebagai bahan rujukan khususnya yang menyentuh kepada tafsiran peruntukan s 37(1), (3) dan (14) serta s 38(1) dan (5) Akta 447 itu turut dijadikan panduan setelah diperhalusi.

[21] Pada 19 Oktober 2005, peguam pihak plaintif telah menghantar surat kepada setiausaha saya, seperti suratnya dilampirkan di KM. (41) yang memohon agar mahkamah ini dapat memperhalus keputusan kes di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di dalam kes *Dai-Ichi Electronics (M) Sdn Bhd v TNB* [1996] 4 MLJ 506. Surat yang sama telah dihantar ke peguam defendan menyatakan, jika diperlukan, penghujahan lanjut sanggup diberikan, jika diperlukan. Sayugia dinyatakan di sini, bahawa kes *Dai-ichi Electronics* ini juga merupakan suatu keputusan Mahkamah Tinggi yang mana kesannya adalah dimaklumi oleh pihak-pihak iaitu tidak mengikat, walau pun mungkin ianya mempunyai nilai 'persuasive' yang boleh dijadikan sebagai panduan.

[22] Untuk makluman peguam yang mengutarakannya, prinsip kes ini juga telah saya teliti sama; di samping kes-kes yang lain. Kesungguhan peguam tersebut jelas memperlihatkan akan keprihatinannya terhadap nasib anak-guamnya, satu sikap

yang dihormati. Namun, saya telah meneliti akan kandungan surat yang dikemukakan itu dan berpendirian untuk tidak memerlukan sebarang penghujahan lanjut.

[23] Berbalik kepada kedudukan kes ini semula, perkara yang perlu ditentukan ialah sama ada plaintif layak untuk diberi satu perintah injunksi interlokutori. Plaintif menghujahkan bahawa di dalam kes ini terdapat isu-isu serius yang perlu dibicarakan dan dengan demikian dihujahkan mereka adalah layak diberi satu perintah injunksi interlokutori bagi mengekalkan status quo. Beberapa persoalan telah dibangkitkan, antaranya seperti yang disebut awal tadi iaitu benarkah wujud 'tampering of metre' jika ya, mengapa tiada tindakan untuk mendakwa plaintif, adakah wajar bagi penentuan kesalahan itu ditentukan hanya melalui pendapat pekerja TNB sahaja tanpa pembuktiannya oleh keterangan pakar di mahkamah dan seterusnya s 38 Akta 447 itu dikata bukan bersifat mandatori serta wujudkah elemen 'dishonesty' di pihak plaintif?

[24] Hakim Dato' Gopal Sri Ram di dalam kes *Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 MLJ 193 mengingatkan sebagai panduan, apabila seseorang hakim mendengar suatu permohonan untuk injunksi interlokutori, mestilah menanyakan dirinya sama ada keseluruhan fakta yang telah dibentangkan di hadapannya mendedahkan isu bona-fide yang serius yang perlu dibicarakan. Beliau mesti menahan diri supaya tidak membuat sebarang pemutusan atas merit tuntutan itu atau sebarang pembelaan terhadapnya dan mengenal pasti dengan tepat isu yang dibentangkan dan memutuskan sama ada isu itu cukup serius untuk mewajarkan suatu perbicaraan.

[25] Saya telah meneliti akan kedudukan permohonan saman dalam kamar di KM (13) ini secara keseluruhannya, meneliti akan kandungan kesemua afidavit yang difailkan oleh sama ada pihak plaintif dan juga defendan, menganalisis akan kandungan ekshibit-ekshibit yang dikepilkan, menimbangkan akan setiap penghujahan yang disampaikan, dengan ini memutuskan bahawa di dalam tuntutan ini, tiada terdapat apa-apa isu berbalah yang serius yang memerlukan penentuan dibuat melalui perbicaraan. Sebenarnya, di dalam perkara ini, cuma terdapat satu persoalan penting yang perlu ditentukan di sini, iaitu di atas pentafsiran s 38(1) Akta 447 ini. Seksyen 38(1) Akta memperuntukkan:

> Jika mana-mana orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen mendapat keterangan di mana-mana premis yang pada pendapatnya membuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah s 37(1), 37(3) atau 37(14) pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa sewajarnya oleh pemegang lesen boleh, dengan, memberi notis tidak kurang daripada dua puluh empat jam dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan menyebabkan bekalan tenaga dipotong daripada premis tersebut.

[26] Di atas pentafsiran seksyen ini, peguam plaintif memohon mahkamah untuk meneliti keputusan kes *Dai-Ichi Enterprise (M) Sdn Bhd,* di mana diputuskan bahawa pemotongan bekalan elektrik hanya boleh dilakukan oleh pihak TNB setelah plaintif dibuktikan melalui keterangan mahkamah melakukan kesalahan di bawah s 37(1), (3), (14) Akta tersebut.

[27] Saya telah meneliti akan peruntukan s 38(1) ini dan memutuskan bahawa peruntukan seksyen ini tidak memerlukan sebarang pembuktian kesalahan sebagai pra-syarat sebelum sesuatu pemotongan dapat dilakukan oleh pihak TNB sebagai pemegang lesen. Seksyen itu tidak memerlukan sehingga suatu kesalahan itu dibuktikan terlebih dahulu oleh mahkamah barulah kuasa pemotongan boleh dilaksanakan. Saya berpandangan kuasa ini diberikan oleh parlimen semata-mata bagi melindungi pihak TNB selaku pembekal elektrik dari tidak menanggung kerugian secara berterusan dan berpanjangan dari segala aktiviti yang tidak diizinkan itu. Di atas telahan mengapa plaintif tidak didakwa, itu adalah hak pihak defendan. Kuasa untuk mendakwa di atas kesalahan jelas termaktub di bawah Akta dan ianya tiada tempoh tertentu dihadkan. Terserahlah kepada pihak TNB. Namun, ianya bukanlah sebagai syarat bahawa pembuktian kesalahan di mahkamah dimestikan terlebih dahulu sebelum TNB dapat melaksanakan kuasa pemotongan tersebut.

[28] Saya bersetuju dengan keputusan yang dicapai oleh mahkamah di dalam kes *Tan Yeong Kim v TNB* bahawa: Perkataan di dalam s 38(1) Akta tersebut adalah jelas dan oleh itu, hendaklah dibaca secara literal dan biasa.

[29] Kuasa di bawah s 38(1) itu diberikan sedemikian rupa demi memberi kuasa efektif kepada pihak TNB untuk memberhentikan dengan segera sebarang kesalahan yang berlaku daripada berterusan. Adalah fakta yang diakui bahawa plaintif adalah merupakan pelanggan kepada pihak defendan menurut kontrak untuk bekalan elektrik kepada premisnya, dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang termaktub di bawah kontrak bekalan yang telah ditandatangani dahulu semasa mengakui untuk menerima bekalan elektrik daripada pihak defendan. Juga, adalah fakta diakui bahawa pada pertengahan bulan Mac 2005 beberapa orang pekerja pihak defendan telah datang sebanyak dua kali ke premis plaintif untuk memeriksa Pemasangan Jangka Tenaga (KWH) dan pada 3 Mei 2005 melalui surat, defendan telah memaklumkan kepada plaintif yang KWH telah diusik dan menuntut pembayaran sebanyak RM26,756.49. Terdapat kesan-kesan usikan pada sistem penjangkaan elektrik. Hasil ujian mendapati bahawa penggunaan tenaga tidak direkodkan atau yang ralat adalah sebanyak 78.18%.

[30] Perlu dinyatakan di sini juga bahawa caj tambahan yang dikenakan itu adalah berdasarkan pelarasan akaun yang telah dilakukan menurut peraturan 12(2) Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1990 yang mana hak menuntut bagi caj tambahan itu ada diperuntukkan di bawah peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1990 peruntukan yang sama.

[31] Plaintif tidak boleh menjadikan alasan tentang 'goodwill' perniagaan dan kesan kepada perniagaannya seandainya bekalan elektrik dipotong sebagai isu yang perlu diberikan pertimbangan. Soal-soal berbentuk peribadi tidak wajar dijadikan asas sebagai pembelaan di sisi undang-undang. Dari segi imbangan kemudahan juga, didapati yang imbangan kemudahan lebih memihak kepada pihak defendan bagi perintah ingkar interlokutori ini tidak dikeluarkan. Sepatutnya plaintif berterima kasih kepada pihak TNB kerana telah bermurah hati untuk mengizinkan bayaran bertempoh selama enam bulan untuk menyelesaikan bayaran surcaj itu; daripada mempertikaikan tindakan mereka.

[32] Sebagai kesimpulannya selepas saya meneliti akan kedudukan kes ini secara keseluruhannya, perintah seperti mana yang dipohon oleh pihak plaintif di KM (13) itu adalah dengan ini ditolak dengan kos.

Perintah ditolak dengan dengan kos.

Reported by Peter Ling